

# Rugi akibat banjir RM2.8b

» *Bencana tahun lalu terburuk dalam tempoh 200 tahun*

**Oleh Badrul Kamal Zakaria**  
badrulkamal@bh.com.my

► Muar

**K**ajian Jawatankuasa Khas Forensik Bencana Banjir 2014 mentaksirkan jumlah kerugian akibat bencana itu dianggarkan RM2.8 bilion membabitkan kira-kira 300,000 mangsa yang mengalami kemusnahan atau kehilangan tempat tinggal.

Penyelaras Jawatankuasa terbabit, Prof Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo, berkata banjir yang berlaku pada akhir tahun lalu itu juga antara bencana terburuk yang pernah direkodkan negara dalam tempoh 200 tahun.

Selain itu katanya, kajian mendapati bencana sama mungkin berulang sekali dalam jangka masa 1,000 tahun.

“Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dijangka membentangkan laporan, kajian dan perancangan jawatankuasa khas itu pada

Jun atau Julai ini,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Program Tambatan Hati Pelajar Cemerlang Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato' Sri Amar Diraja di sini, semalam.

Yang turut hadir Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Mohd Effendy Abd wahid dan Pengetua SMK Dato' Sri Amar Diraja, Naimem Basar.

Ibrahim yang juga Naib Canselor UMT berkata, Muhyiddin selaku Pengerusi Jawatankuasa Bencana Negara akan membentangkan laporan itu pada mesyuarat Kabinet sebelum dibawa ke Parlimen untuk tindakan lanjut.

## **Hasil kajian jadi panduan**

Beliau berkata, laporan hasil daripada kajian yang dilaksanakan sejak Januari lalu akan menjadi panduan kepada kerajaan dalam menghadapi atau mencegah kejadian banjir besar pada masa depan.

“Keputusan Jawatankuasa Khas ini yang bermesyuarat di Putrajaya kelmarin akan diserahkan kepada Timbalan Perdana Menteri dalam tempoh terdekat.

“Ia mengandungi 16 cadangan teknikal, tindakan jang-



“*la mengandungi 16 cadangan teknikal, tindakan jangka panjang dan penyelidikan lanjutan bagi mengurangkan risiko banjir pada masa akan datang*”

**Ibrahim Komoo,**  
Penyelaras Jawatankuasa Khas Forensik Bencana Banjir 2014

ka panjang dan penyelidikan lanjutan bagi mengurangkan risiko banjir pada masa akan datang,” katanya.

Ibrahim berkata, hasil kajian terbabit adalah hasil sumbangan pakar daripada universiti awam, termasuk UMT,

Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Petronas (UTP).

“Antara punca utama banjir besar di beberapa negeri termasuk Kelantan, Pahang dan Perak baru-baru ini disebabkan taburan hujan dua hingga tiga kali ganda daripada kebiasaan di beberapa kawasan terbabit.

## **Projek punca banjir**

“Selain itu, penyebab lain termasuk kandungan dasar sungai yang mengandungi pasir, lumpur dan kayu dibawa arus berikutan keadaan sungai terlalu cetek akibat kegiatan pertanian dan pembangunan.

“Sebagai contoh, hasil kajian di Kelantan mendapati banjir berlaku akibat pembukaan tanah yang ditanam kelapa sawit dan projek pembangunan lain sehingga hakisan berlaku hampir setiap hari, malah hakisan ini juga agak kritikal sehingga ke tahap 100 kali ganda berbanding biasa,” katanya.

Ibrahim berkata, atas pandangan dasar sungai seperti pasir, lumpur dan kayu paling banyak ditemui dalam kediaman mangsa banjir di kawasan berkenaan.